

18 JUN 1999

Mahathir-Umno (Pemerhati)

DR MAHATHIR TERIMA KUNJUNGAN PEMERHATI ASING

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan hormat pemerhati-pemerhati politik asing selepas upacara perasmian Perhimpunan Agung ke-53 itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kehadiran para pemerhati asing itu adalah atas jemputan Majlis Tertinggi Umno bagi membolehkan mereka mengenali dan memahami perjuangan parti yang menjadi tunggak pemerintahan Malaysia.

Pemerhati itu ialah dari Indonesia, Singapura, Cuba, Korea Utara, Bosnia Herzegovina, Laos, Kemboja, Myanmar, Iraq, Sudan, China dan Filipina.

Mereka mengunjungi Perdana Menteri di Bilik Perdana, bersebelahan Dewan Merdeka iaitu tempat berlangsungnya persidangan empat hari itu.

Dr Mahathir mengambil kesempatan menyampaikan salam kepada pemimpin negara-negara berkenaan melalui pemerhati-pemerhati itu.

Rata-rata mereka kagum dengan semangat dan dedikasi yang dipamerkan oleh para anggota Umno dan menyatakan kepercayaan mereka terhadap kewibawaan Umno menerajui Barisan Nasional.

Para pemerhati itu juga gembira kerana Umno sudi menjemput mereka ke perhimpunan agung tahun ini.

Menteri Pendidikan Myanmar, U Thant Aung, berkata beliau kagum dengan kepimpinan Dr Mahathir dalam menerajui parti dan negara ini.

Beliau berharap perhubungan antara Malaysia dan Myanmar dapat diperkukuhkan lagi.

-- BERNAMA

RBZ NAK